

28 MAR 1996

Croatia

DUA PERJANJIAN AKAN DITANDATANGANI OLEH PM SEMASA LAWATAN KE CROATIA

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Perjanjian-perjanjian bagi mengelakkan pencukaian berganda dan pemansuhan visa antara Malaysia dan Croatia akan ditandatangani semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Croatia bulan depan.

Menteri Luar Croatia Mate Granic hari ini berkata langkah itu akan memudahkan pertumbuhan hubungan ekonomi dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Perjanjian mengenai kerjasama saintifik dan teknikal serta kerjasama kebudayaan mungkin ditandatangani semasa lawatan itu jika rundingan mengenai kedua-dua perkara itu siap sebelum itu, katanya pada persidangan berita di sini.

Sebelum itu Malaysia dan Croatia telah menandatangani perjanjian jaminan pelaburan.

Granic juga menyatakan minat Croatia untuk membeli kereta nasional, Proton dan memasang kereta itu pada satu peringkat kemudian.

Beliau berkata Malaysia boleh menggunakan Croatia yang terletak di Eropah Tengah sebagai loncatan untuk mengeksport kereta Proton dan minyak sawit ke Eropah Tengah dan Timur.

Presiden Croatia Franco Tudjman dan Dr Mahathir dijangka membincangkan isu-isu hubungan tiga hala berhubung Croatia, Bosnia dan Malaysia terutama mengenai cadangan penubuhan sebuah badan korporat.

Entiti korporat itu merangkumi syarikat-syarikat dari tiga negara berkenaan untuk menyertai proses pembangunan semula Bosnia Herzegovina.

Granic juga berharap Croatia dapat menyertai projek-projek pembangunan lebuhraya pantai dan hidroelektrik Bakun di Malaysia.

Mengenai perkembangan terbaru keamanan di negara-negara Balkan, beliau mengulangi komitmen negaranya terhadap pelaksanaan Persekutuan Bosnia dan Perjanjian Keamanan Dayton.

Beliau mengakui terdapat beberapa penolakan di peringkat tempatan di beberapa kawasan termasuk Sarajevo dan Mostar ekoran kebencian di kalangan rakyat kesan daripada peperangan itu.

Bagaimanapun beliau berasa optimistik bahawa dengan sokongan berterusan kerajaan Croatia masalah itu boleh diselesaikan kerana majoriti rakyat memilih persekutuan itu.

Granic juga berterima kasih kepada Malaysia kerana penyertaannya dalam Pasukan Pelaksana (Ifor) di bekas Yugoslavia.

Terdahulu, Granic, yang mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia hari ini mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di pejabatnya di Kementerian Kewangan. -- BERNAMA

JM CR NMO